



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

Tarikh : 14 April 2022 (Khamis)
Masa : 9.30 – 1.50 tengah hari
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Encik Mohd Mohtar bin Mahamud - Pengerusi Ganti
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
2. Puan Shamila binti Zainol
Pengarah Bahagian Pembangunan Latihan dan Kemajuan Kerjaya
3. Encik Mohd Norzam bin Mustapa
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Puan Nur Ilyani binti Md Aris - Setiausaha Pengurusan
Bahagian Khidmat Pengurusan (Pencatat Minit)
5. Puan Intan Mawarni bin Mohamed Zain
Bahagian Pembangunan Latihan dan Kemajuan Kerjaya
6. Puan Safura binti Shaaruddin
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Puan Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Puan Mas Ayu binti Johari - hadir atas talian
Bahagian Khidmat Pengurusan
9. Puan Wajeehah Binti Mohd Ghazali - hadir atas talian
Bahagian Khidmat Pengurusan
10. Puan Nor Sa'adah binti Hj Mohd Sidek
Bahagian Khidmat Pengurusan

TURUT HADIR:

1. Encik Mohamad Zabawi bin Saat
Wakil KESUSIP Ibu Pejabat Perikanan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Hj Mohd Sufian bin Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan
1. Puan Agnes Caroline Anak Gibea
Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Puan Anis Mazidah Binti Abd Samad
Bahagian Pembangunan Akuakultur
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja G48
2. Encik Muhammad Shakirin Bin Suhaimi - hadir atas talian
Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan
Setiausaha Bersama (G41)
3. Encik Mohd Azrul Bin Mahmod
Bahagian Pembangunan Akuakultur
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44)
4. Puan Nik Rohimah Binti Kadir
Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) (MOA)
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32) & Pegawai Kader DOF
5. Puan Rosliana Binti Zainal - hadir atas talian
Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)
6. Encik Magenthiran A/L Tharmalingam
Bahagian Taman Laut Dan Pengurusan Sumber
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26
7. Encik Mat Arif Bin Mat Arof
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
8. Encik Mohd Mustakim Bin Baharom
Bahagian Pembangunan Akuakultur
Wakil Pekerja (Pembantu Operasi Gred N11 / N14)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. Puan Noraini Binti Md Nor
Bahagian Pengurusan Maklumat
Juruteknik Komputer / Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai Pegawai
Teknologi Maklumat Gred FT19/FT29/FT22/F38/F41/F44/F48
2. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali
Bahagian Perlindungan Sumber
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ

- i. Encik Mohd Mohtar bin Mahamud (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan) yang menggantikan Hj Mohd Sufian bin Sulaiman (Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan) sebagai Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan juga secara atas talian

Tindakan: Makluman

- ii. Tuan Pengerusi mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada barisan perwakilan MBJ Pekerja yang baharu. Beliau mengharapkan bahawa barisan baharu menganggap pelantikan ini sebagai satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan penuh dedikasi.

Tindakan: Makluman

- iii. Selain itu juga, tuan pengerusi menekankan konsep *Esprit de Corps*, atau semangat kebersamaan yang perlu ada di antara pihak pekerja dan juga pihak pengurusan bagi mencapai keputusan yang boleh diterima oleh semua pihak.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB Pengerusi MBJ

- i. Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad mengucapkan salam dan terima kasih kepada pihak pengurusan di atas kepercayaan pelantikan sebagai wakil pekerja. Dimaklumkan barisan MBJ Pekerja telah mengadakan mesyuarat dalaman pada 7.4.2022 bagi membincangkan isu yang telah dikemukakan oleh wakil skim/gred yang telah dilantik.

Tindakan: Makluman

- ii. Beliau memaklumkan bahawa barisan wakil pekerja berpendapat bahawa perwakilan MBJ pekerja di peringkat Ibu Pejabat seharusnya mengambil kira juga isu-isu serta skim dan gred yang berada di negeri / pusat penyelidikan bagi memberi ruang untuk semua lapisan kakitangan mengemukakan isu serta pendapat.

Tindakan: Makluman

- iii. Tuan Pengerusi serta barisan pengurusan mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan Naib Pengerusi dan memaklumkan perlu adanya pindaan terhadap Perlembagaan MBJ Jabatan yang sedia ada bagi pelaksanaan perkara tersebut.

Tindakan: Wakil Pekerja dan Urusetia MBJ

- iv. Naib Pengerusi juga memohon pelantikan perwakilan bagi skim-skim berikut:
 - a. Skim H (Pembantu Awam / Pemandu);
 - b. A (Pembantu Laut);
 - c. Q (Pembantu / Penolong Pegawai Penyelidik); dan

d. C (Pembantu Makmal / Penolong Pegawai Sains)

Tindakan: Wakil Pekerja

- v. Mesyuarat memaklumkan bahawa pemilihan wakil adalah di bawah bidang kuasa barisan pekerja. Surat pelantikan akan dikeluarkan oleh Pengurusan setelah dimaklumkan wakil dari pihak pekerja.

Tindakan: Wakil Pekerja

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2021

- i. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3 Tahun 2021 adalah tidak disahkan kerana Pengerusi, serta barisan Wakil Pekerja Sesi 2020-2021 tidak hadir di dalam mesyuarat.

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1 *Blue Print* Laluan Kerjaya

- i. Pihak PLKK memaklumkan urusan *Profiling* telahpun selesai dilaksanakan bagi Pegawai Perikanan Gred G54 dengan bantuan Pakar dari *Hay Group*, dalam proses membangunkan Pelan Kompetensi Kepimpinan (PPKK) Jabatan. Perkara ini akan diteruskan dengan pegawai Gred G48-G52 dalam masa akan datang.

Tindakan: Makluman

- ii. Tuan Pengerusi juga mengingatkan bahawa penilaian *Profiling* adalah bukan bagi tujuan pemangkuan / kenaikan pangkat, tetapi sebagai satu bentuk penilaian menyeluruh berkenaan kompetensi semasa serta sahsiah pegawai pengurusan dan profesional yang ada di Jabatan.

Tindakan: Makluman

4.2 Penambahbaikan Skim

- i. Merujuk kepada maklum balas isu berkenaan, Tuan Pengerusi memohon Wakil Pekerja Wayarless Operator untuk membuat persediaan yang sewajarnya seperti mengemaskini maklumat deskripsi tugas kerana urusan Pengkajian Skim Wayarless Operator telah masuk ke dalam senarai Kajian Skim JPA bagi tahun 2022.

Tindakan: Wakil Pekerja (Skim WO)

- ii. Berkenaan skim Pegawai Perikanan Khusus (Kejuruteraan) pula, maklumbalas rasmi JPA berkenaan permohonan kajian skim belum diperoleh.

Tindakan: Makluman

4.3 Pembangunan *Subject Matter Experts* (SME) di Jabatan

- i. Merujuk maklum balas, PLKK memaklumkan bahawa terdapat lima (5) bidang yang mungkin akan dibawa ke dalam bengkel bersama SUPREME pada bulan Mei seperti berikut:
 - a) Taman Laut dan Pengurusan Sumber;
 - b) Perikanan Tangkapan (Tuna);
 - c) Forensik Ikan (Biosekuriti);
 - d) Kesihatan Ikan (Biosekuriti); dan
 - e) Kesihatan Awam – Antibiotik (Biosekuriti).

Tindakan: Makluman

- ii. Tuan Pengerusi merakamkan rasa terkilan pihak pengurusan kerana pegawai di Jabatan seolah-olahnya enggan menyahut cabaran meningkatkan kompetensi untuk dilantik sebagai pakar di dalam bidang perikanan yang berkenaan. Beliau mengharapkan bahawa pegawai di Jabatan memandangkan pembangunan SME bukan sahaja bagi kepentingan diri sendiri tetapi bagi kepentingan Jabatan Perikanan secara keseluruhannya.

Tindakan: Makluman

- iii. Pihak pengurusan juga memaklumkan bahawa bagi jawatan yang bakal diperakukan sebagai bidang-bidang SME, tatacara pemangkuan / kenaikan pangkat mungkin akan berubah bagi memastikan pegawai yang kompeten dan layak menjawat jawatan tersebut dan bukan menekankan kepada senioriti semata-mata.

Tindakan: Makluman

4.4 Kebajikan Penyelam di Jabatan

- i. Merujuk maklum balas bahawa insurans kelompok menggunakan peruntukan kerajaan adalah tidak dipertimbangkan kerana wujudnya pampasan *Ex Gratia* (W.P 6.2), Tuan Pengerusi mengesyorkan alternatif untuk kakitangan Jabatan menjadi ahli Koperasi Kakitangan Kementerian Pertanian Malaysia Berhad (KOTANI) atau CuepacsCare yang menawarkan insurans kelompok dengan syarat kakitangan perlu mencarum. Pengurusan tiada halangan sekiranya pihak pekerja ingin memohon perlindungan kumpulan secara kelompok khas dari KOTANI dan menyarankan pihak pekerja untuk membuat kertas kerja permohonan tersebut untuk dibentangkan ke pihak KOTANI.

Tindakan: Wakil Pekerja

- ii. Pihak Pengurusan juga memaklumkan terdapat pelbagai kemudahan kerajaan bagi menguruskan kemalangan / musibah yang melanda penjawat awam, seperti perkhidmatan kaunseling dan sebagainya. Walau bagaimanapun pihak pengurusan memerlukan laporan terperinci terdahulu untuk menentukan tindakan yang sewajarnya.

Tindakan: Makluman

4.5 Pelaksanaan Kenaikan Pangkat secara *Time Based* bagi Pegawai Perikanan G44 ke Gred G48

- i. Dasar mengenai kenaikan pangkat adalah bergantung kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam hal ini adalah lebih baik untuk Jabatan melihat dasar JPA dalam menguruskan kenaikan pangkat skim Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) kerana para pegawai PTD juga mengalami keadaan yang serupa dengan Pegawai Perikanan yang berkhidmat lama di Gred G44. Sekiranya kenaikan pangkat PTD ke gred 48 dibuat secara KUP, maka skim bukan gunasama yang lain juga berpeluang untuk memohon.

Tindakan: Makluman

5. ISU WAKIL PEKERJA

Senarai usul / isu yang telah dikemukakan oleh wakil Pekerja boleh dirujuk di **Lampiran A**. Terdapat beberapa usul yang telah dikumpulkan di bawah kategori-kategori berkaitan bagi melancarkan perjalanan mesyuarat serta pelaporan minit.

5.1 Alat Komunikasi Mudah Alih bagi Pegawai Gred G48 (Ketua Cawangan ke atas)

- i. Pihak pekerja memohon alat komunikasi mudah alih dapat disediakan kepada pegawai Gred 48 ke atas yang memegang jawatan sebagai ketua cawangan ke atas.
- ii. Pengarah BKP memaklumkan bahawa syarat dan peraturan memohon adalah jelas di bawah Arahan Perbendaharaan (WP 2.2) dan pegawai boleh memohon mengikut kelayakan yang ditetapkan untuk kelulusan Pegawai Pengawal.

Tindakan: Makluman

5.2 Isu Naik Taraf / Pertambahan Perjawatan

- i. Terdapat beberapa permohonan untuk menaikkan taraf jawatan / penambahan bilangan jawatan disebabkan bebanan kerja yang terlalu berat.

Tindakan: Makluman

- ii. Sebarang permohonan perjawatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing. Bagi maksud pertambahan jawatan, Ketua Jabatan masing-masing perlulah melaksanakan kajian bebanan tugas yang melibatkan semua perjawatan di pejabat tersebut. Sekiranya terbukti bebanan tugas yang tidak seimbang di kalangan anggota atau bebanan tugas melebihi kapasiti perjawatan sedia ada, Ketua Jabatan dimohon untuk mengangkat cadangan permohonan tersebut kepada urusetia Jawatankuasa Pembangunan Organisasi (JKPO) DOF sebelum diputuskan untuk di bawa ke peringkat lebih tinggi di JPA.

Tindakan: Makluman

5.3 Kenaikan Pangkat ke G41 bagi Penolong Pegawai Perikanan yang Mempunyai Ijazah

- i. Pihak pekerja memohon Penolong Pegawai Perikanan (PPP) yang mempunyai kelayakan ijazah untuk dinaikkan pangkat ke G41 terutama pada yang telah 10 tahun berkhidmat.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan memaklumkan bahawa PPP perlu peka berkenaan laluan kemajuan kerjaya di dalam syarat skim masing-masing. Tiada laluan khas secara automatic bagi pegawai yang sedang berkhidmat untuk naik pangkat berdasarkan kelulusan akademik. Sekiranya pegawai mempunyai kelayakan yang lebih tinggi, pegawai perlu memohon untuk ke Gred 41 melalui SPA ataupun secara tukar sementara / peminjaman bergantung kepada perakuan Ketua Pengarah Perikanan dan pertimbangan Ketua Setiausaha Kementerian.

Tindakan: Makluman

5.4 Pertambahan Kursus Pemantapan / Jati Diri Kakitangan

- i. Terdapat beberapa permohonan untuk pihak PLKK melaksanakan kursus / bengkel berbentuk Pemantapan / *Team Building* bagi meningkatkan kompetensi serta mengeratkan hubungan di antara kakitangan Jabatan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak PLKK mengambil maklum berkenaan pelbagai permohonan kursus yang hendak dilaksanakan, walau bagaimanapun bagi tahun 2022

peruntukan latihan adalah amat terhad dan telah difokuskan kepada latihan teknikal yang lebih kritikal. PLKK akan cuba merangka latihan untuk peningkatan jati diri / komunikasi dan sebagainya untuk dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun hadapan terakluk kepada peruntukan yang ada.

Tindakan: PLKK

- iii. Tuan Pengerusi juga mencadangkan kursus dan latihan boleh dilaksanakan menggunakan mod-mod berbeza secara atas talian atau hybrid disebabkan kekangan peruntukan yang ada. Walau bagaimanapun dimohon kakitangan untuk memberi komitmen hadir sekiranya dipanggil untuk menyertai bengkel / latihan yang telah disediakan.

Tindakan: Makluman

5.5 Pelaksanaan Kutipan Caj / Fi / Bayaran Secara Atas Talian

- i. Pihak pekerja mencadangkan Jabatan melaksanakan kutipan caj/fi/bayaran secara atas talian atau mewujudkan perjawatan Pemb. Tadbir (N atau W) di Pejabat Perikanan Daerah memandangkan beban tugas yang tinggi di PPD yang mengutip caj/fi/bayaran serta melibatkan isu keselamatan pegawai yang membawa sejumlah besar wang tunai.

Tindakan: Makluman

- ii. Mesyuarat mengambil maklum bahawa jumlah kutipan di negeri melibatkan hasil kerajaan negeri dan persekutuan. Walau bagaimanapun kutipan hasil yang masuk kepada kerajaan negeri adalah lebih besar. Sehubungan dengan itu, bagi aspek perjawatan, Pihak Pejabat Perikanan Negeri disarankan memohon perjawatan daripada Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri masing-masing.

Tindakan: Makluman

- iii. Bagi cadangan pembayaran secara atas talian, sistem adalah bergantung kepada Jabatan Akauntan Negeri masing-masing. Pejabat Perikanan Negeri boleh mencadangkan pembayaran atas talian kepada Pejabat Pegawai Kewangan Negeri dan Jabatan Akauntan Negeri. Bagi kutipan hasil di bawah persekutuan, pihak BKP akan mengangkat cadangan bayaran secara online kepada MOF.

Tindakan: BKP (Kewangan)

5.6 Penempatan Kakitangan Mengambil Kira Kebajikan

- i. Pihak pekerja memohon pihak Jabatan untuk mengambil kira kebajikan pekerja terutamanya keadaan keluarga dan kekangan kewangan kakitangan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan memaklumkan bahawa pertimbangan kebajikan pekerja sentiasa diambil kira dalam hal pertukaran / penempatan. Walau bagaimanapun ia juga tertakluk kepada kekosongan jawatan yang perlu diisi dan mendahulukan kepentingan perkhidmatan awam.

Tindakan: Makluman

5.7 Isu Permohonan Pertambahan Peruntukan Mengurus

- i. Terdapat beberapa permohonan berkaitan pertambahan peruntukan mengurus yang menjurus kepada bayaran tuntutan (perjalanan / lebihan masa) serta penyelenggaraan aset kerajaan (bangunan / peralatan).

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan memaklumkan bahawa peruntukan mengurus adalah berdasarkan bajet yang telah diluluskan di Parlimen merujuk kepada keperluan yang telah dikemukakan ke pihak Kementerian. Atas sebab peruntukan yang tidak mencukupi, Jabatan sentiasa perlu melaksanakan dasar penjimatan dalaman bagi memastikan urusan dapat berjalan dengan lancar serta kebajikan semua lapisan pekerja dijaga. Bagi isu penyelenggaraan aset kerajaan, diingatkan bahawa PTJ perlu memberi maklumat terperinci berkenaan keperluan penyelenggaraan untuk dimasukkan ke dalam perancangan bajet tahunan Jabatan.

Tindakan: Makluman

5.8 Urusan Tempat Letak Kenderaan di Ibu Pejabat Perikanan, Putrajaya

- i. Pihak pekerja mengemukakan dua isu parkir iaitu:
 - a. Memohon kereta yang terbiar lama di ruang tempat letak kenderaan dialihkan dan
 - b. Menambah tempat letak kenderaan OKU bagi kakitangan Jabatan

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak pengurusan mengambil maklum dan telah memohon Seksyen Pentadbiran untuk mengenal pasti kereta-kereta terbiar dan meletakkan notis untuk dialih segera. Satu surat juga akan dihantar ke pihak Adeen bagi mengambil tindakan terhadap kereta yang mengganggu lalu lintas

Tindakan: BKP Pentadbiran

- iii. Bagi penyediaan ruang tempat letak kenderaan OKU tambahan, dimohon pegawai berkenaan membuat permohonan ke BKP beserta kad OKU untuk penyusunan semula oleh Seksyen Pentadbiran

Tindakan: Pihak Pekerja

5.9 Urusan Kebajikan Pegawai Kader di Luar Jabatan

- i. Pihak pekerja memohon agar Jabatan peka terhadap Pegawai Kader yang berada di luar Jabatan agar tidak tersisih atau ketinggalan dari segi majlis / pengumuman rasmi yang melibatkan kakitangan Jabatan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan mengambil maklum dan akan memanjangkan jemputan / pemakluman rasmi kepada kakitangan yang beradi di luar Jabatan.

Tindakan: Makluman

5.10 Pengisian Jawatan Pembantu Perikanan di Cawangan Perlindungan Sumber dan Taman Laut

- i. Pihak pekerja memohon agar Jabatan membuat pengisian terhadap kekosongan jawatan Pegawai Memerintah terutama di Labuan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan memaklumkan bahawa pengisian jawatan di Labuan sedia ada adalah penuh dan bergantung pada kebijaksanaan penyelia di sana bagi menyediakan penjadualan tugas kakitangan sedia ada bagi memastikan beban kerja dipikul dengan adil.

Tindakan: Makluman

5.11 Ketetapan Spesifikasi Pakaian Seragam

- i. Pihak pekerja memohon agar Jabatan mengkaji semula ketetapan pakaian seragam anggota penguatkuasa agar menepati *standard* dan kualiti keselamatan yang diperlukan.

Tindakan: Makluman

- ii. Perkara ini akan dipanjangkan kepada pihak Bahagian Perlindungan Sumber dan Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber bagi mengkaji semula keperluan pakaian seragam anggota penguatkuasa serta mengangkat permohonan untuk kelulusan JPA.

Tindakan: Bahagian Perlindungan Sumber

5.12 Pengiktirafan Institut Latihan Perikanan

- i. Pihak pekerja memohon agar Jabatan menyegerakan pengiktirafan bagi Institut Latihan Perikanan bagi membolehkan peningkatan laluan kerjaya kaitangan Jabatan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak PLKK memaklumkan bahawa Akademi Perikanan Malaysia telah pun lulus syarat-syarat MQA (Malaysian Qualifications Agency) iaitu diiktiraf silibus pengajarannya oleh Kerajaan.

Tindakan: Makluman

5.13 Urusan Berkenaan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

- i. Pihak pekerja memohon agar peperiksaan PSL dilaksanakan secara atas talian bagi meningkatkan kekerapan peperiksaan, serta memohon Jabatan memberi keutamaan kepada lulusan PSL dalam mengambil lantikan baharu ke Jawatan Penolong Pegawai Perikanan G29.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan maklumkan bahawa pelaksanaan peperiksaan PSL secara atas talian adalah kurang sesuai memandangkan tiada sistem kawalan yang efektif buat masa ini. Berikutan lambakan pegawai yang mempunyai kelulusan PSL, Jabatan juga bercadang untuk mengurangkan Peperiksaan PSL kepada satu (1) tahun sekali sebagaimana amalan JPA.

Tindakan: Makluman

- iii. Berkenaan pemberian keutamaan kepada pegawai yang mempunyai kelulusan PSL, pihak pengurusan memaklumkan bahawa pegawai yang mempunyai kelayakan perlu bersaing secara sihat bersama pasaran melalui permohonan di SPA dan pemilihan calon adalah berdasarkan prestasi pegawai semasa melalui proses saringan sehingga temuduga.

Tindakan: Makluman

5.14 Kemudahan Bantuan Logistik Menggunakan Kenderaan Jabatan

- i. Pihak pekerja memohon Jabatan dapat menyediakan kemudahan bantuan logistik untuk urusan perpindahan atau kecemasan menggunakan kenderaan pejabat.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan memaklumkan bahawa bagi urusan perpindahan, kakitangan layak menuntut elaun perpindahan sekiranya diarah bertukar. Selain itu, kakitangan juga boleh memohon pendahuluan diri. Bagi penggunaan aset kerajaan, kakitangan boleh memohon budi bicara Ketua Jabatan masing-masing sekiranya memerlukan bantuan kenderaan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa penggunaan aset kerajaan adalah diutamakan bagi penggunaan urusan rasmi Jabatan dan perlu mematuhi tatacara yang berkuatkuasa.

Tindakan: Makluman

5.15 Kemudahan Van Jenazah di Setiap Negeri

- i. Pihak pekerja memohon Jabatan dapat menyediakan kemudahan van jenazah di setiap negeri bagi membantu kakitangan dalam pegurusan jenazah.

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak pengurusan berpendapat bahawa permintaan ini adalah tidak wajar dan belum ada Jabatan lain yang dapat menyediakan kemudahan sedemikian atas sebab memerlukan peruntukan yang tinggi. Tambahan pada itu, pengurusan jenazah secara lazimnya dilaksanakan oleh badan agama dan komuniti masing-masing.

Tindakan: Makluman

5.16 Kuota APC bagi Setiausaha Pejabat

- i. Pihak pekerja memohon kuota khas diberikan pada kumpulan setiausaha bagi penerimaan APC.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengurusan memaklumkan bahawa kuota Jabatan mengambil kira semua lapisan kumpulan sokongan sama ada kakitangan gunasama mahupun bukan gunasama agar adil dalam pemilihan calon APC.

Tindakan: Makluman

5.17 Pewujudan Pertubuhan Badan Khairat Kematian & Kebajikan Kakitangan Jabatan

- i. Pihak pekerja memohon satu Pertubuhan Badan Khairat Kematian & Kebajikan Kakitangan Jabatan ditubuhkan yang merangkumi:
 - a. Pengurusan sumbangan yang lebih teratur dan bertanggungjawab;
 - b. Menyediakan peluang kepada warga kerja DOF untuk sama-sama menyumbang;

- c. Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku musibah dengan kadar segera; dan
- d. Untuk menjaga ahli-ahli di dalam hal-hal kebajikan dan kegiatan kemasyarakatan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak pengurusan mengambil maklum cadangan tersebut dan memohon bantuan KESUSIP untuk menyelaras urusan sumbangan bagi kebajikan kakitangan di Jabatan. Wakil KESUSIP memaklumkan akan membawa cadangan ke Pengurusan Kelab untuk pelaksanaan.

Tindakan: Wakil KESUSIP

5.18 Hari Terbuka Bahagian Khidmat Pengurusan

- i. Pihak pekerja memohon pihak BKP untuk mengadakan Hari Terbuka bagi membolehkan kakitangan Jabatan untuk menyemak buku perkhidmatan.

Tindakan: Makluman

- ii. Urusan buku perkhidmatan kakitangan boleh disemak pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun, cadangan mengadakan hari terbuka semakan buku servis akan dipertimbangkan.

Tindakan: BKP Personel

5.19 Usaha Mengeratkan Hubungan di Kalangan Kakitangan Jabatan

- i. Terdapat beberapa permohonan untuk Jabatan mengambil inisiatif bagi mengeratkan hubungan di antara kakitangan Jabatan seperti mengadakan aktiviti sosial serta mewujudkan suasana harmoni melalui komunikasi dua hala.

Tindakan: Makluman


- ii. Pengurusan mengambil maklum bahawa aktiviti yang mengeratkan hubungan di kalangan kakitangan Jabatan adalah penting bagi mewujudkan semangat *Esprit de Corps*. Diingatkan juga bahawa aktiviti bagi mengeratkan hubungan bukan sahaja perlu dilaksanakan pada skala yang besar (DOF), tetapi boleh diterapkan melalui aktiviti Bahagian / Pusat / Seksyen masing-masing seperti jamuan, bacaan yasin serta bersukan.

Tindakan: Makluman

6. PENUTUP

YBrs. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.50 tengah hari.

DISEDIAKAN OLEH:



(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



(ENCIK MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia